

LATIHAN

Soalan:

Sebagai setiausaha persatuan penduduk, anda ditugaskan untuk menulis sepucuk surat kepada pihak berkuasa tempatan untuk membuat aduan tentang masalah sampah yang tidak diuruskan dengan baik sejak kebelakangan ini. Berdasarkan frasa yang diberikan, lengkapkan surat kiriman rasmi tersebut.

Panjangnya karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 180 patah perkataan**.

Mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah pengurusan sampah di kawasan perumahan kami.

Penduduk meletakkan sampah di sekeliling tong sampah.

Sampah tidak dipungut mengikut jadual yang ditetapkan, iaitu sekali sehari.

Keselamatan penduduk terancam apabila melakukan aktiviti di luar rumah

Tidak menyenangkan penduduk terutamanya ketika menyediakan hidangan dan menikmati makanan.

Akan membawa penyakit dalam kalangan penduduk.

Sampah bertaburan dan lalat semakin membiak di kawasan perumahan ini.

Persatuan Penduduk Taman Gemilang
Jalan 2/8, Seksyen 3,
81800 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim.

Majlis Daerah Johor Bahru,
Peti Surat 222, Jalan Dato'Onn,
81200 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim.

15 OGOS 2024.

Tuan,

Masalah Pengurusan Sampah di Taman Gemilang

Merujuk perkara di atas, saya selaku Setiausaha Persatuan Penduduk Taman Gemilang ingin membuat aduan tentang masalah pengurusan sampah di tempat kediaman kami.

2. Sejak kebelakangan ini, _____.
Sampah ini dipungut tiga atau empat hari sekali sejak dua bulan yang lalu. Hal ini menyebabkan tong sampah dipenuhi sampah sehingga tidak boleh ditutup. Akibatnya, _____.

3. Masalah pengurusan sampah ini telah menyebabkan _____.
_____. Seperti yang kita sedia maklum, lalat merupakan vektor pembawa pelbagai penyakit. Selain itu, terdapat tikus yang menyelongkar sampah untuk mencari makanan. Keadaan ini dikhuatiri _____.

4. Sehubungan dengan itu, masalah ini juga menyebabkan pencemaran bau. Penduduk terpaksa menghidu bau busuk setiap hari. Keadaan ini sangat _____.
_____. Aktiviti riadah juga tidak dapat dijalankan kerana terganggu dengan masalah bau.

5. Selain itu, pengurusan sampah yang tidak teratur juga menimbulkan masalah keselamatan. Banyak anjing liar, bertumpu di kawasan taman perumahan ini bagi menyelongkar sampah. Kehadiran anjing liar ini menyebabkan _____.

Kami berharap agar pihak tuan dapat _____.
_____. Kerjasama dan maklum balas daripada pihak tuan amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....

(NAMA)

Jawatan,

Persatuan Penduduk Taman Gemilang